



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	SEJARAH SENIBINA
KOD KURSUS	:	DID 1153
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Senibina pertama di dunia dibina ketika zaman pra-sejarah bertujuan:
 - A. Bermula sebagai tempat persemadian si mati, sebelum ditukar menjadi kediaman
 - B. Untuk menyimpan haiwan-haiwan ternakan dan mengumpul hasil pertanian
 - C. Perlindungan daripada cuaca, haiwan liar dan musuh
 - D. Untuk menyembah tuhan-tuhan purba


2. Rupabentuk, gaya rekaan dan seni hiasan senibina purba seperti kediaman dan rumah ibadat berubah kepada gaya-gaya seni dan rekaan tertentu kerana:
 - i. Kemajuan kepakaran tukang bina
 - ii. Perubahan budaya dan taraf hidup yang tinggi
 - iii. Pengaruh agama
 - iv. Pengaruh kedudukan sosial dan ekonomi
 - A. i, ii, dan iii
 - B. i, iii, dan iv
 - C. ii, iii, dan iv
 - D. i, ii, iii, dan iv

3. Perubahan yang berlaku pada senibina purba kepada rekabentuk yang lebih menarik ialah
 - A. Gabungan seni-reka dan senibina
 - B. Perubahan bentuk-bentuk bangunan
 - C. Senibina kediaman purba yang diperbaharui
 - D. Makam dan perkuburan

4. Sebelum sejarah tamadun bermula, manusia membina tempat perlindungan dengan menggunakan
- A. Batu bata yang dibentuk daripada lumpur
 - B. Ranting-ranting kayu yang dijadikan struktur asas
 - C. Batu yang disusun, gua dan bahan hutan
 - D. Gua yang diukir menjadi tempat berlindung
5. Apakah pandangan masyarakat Mesir purba tentang rumah kediaman mereka
- A. Rumah dianggap suci dan direka dengan penuh kesenian
 - B. Rumah adalah tempat tinggal sementara di dunia
 - C. Rumah adalah tempat mereka berlindung daripada cuaca panas Mesir
 - D. Rumah dibina untuk diwariskan kepada anak-anak mereka
6. Antara bahan senibina yang diperkenalkan ketika Zaman Tamadun Mesir ialah batu lumpur atau dikenali dengan nama "*mud-brick*". Senaraikan proses-proses pembuatan *Mud Brick* berikut mengikut urutan yang betul
- i. Lumpur-lumpur diacu (*mold-into*) dalam bentuk blok atau bongkah.
 - ii. Blok-blok batu kemudiannya dibiarkan kering di bawah cahaya matahari.
 - iii. Lumpur dikumpulkan daripada sungai Nil.
 - iv. Bongkah atau blok batu disusun menjadi dinding dan ditampal (*plastered*) dengan lumpur sehingga kering.
- A. i, ii, iii dan iv
 - B. iii, i, ii, dan iv
 - C. iv, i, iii, dan ii
 - D. iii, iv, ii, dan i

7. Mengapakah makam-makam dan kubur masyarakat tamadun Mesir dibina dengan pelbagai hiasan dan rekaan berbanding rumah mereka
- A. Melambangkan status sosial dan ekonomi sesebuah keluarga
 - B. Perkembangan budaya dan kemahiran senibina
 - C. Supaya makam-makam mereka lebih kukuh
 - D. Kubur dan makam dianggap sebagai tempat tinggal selepas kematian
8. Tanah liat atau "*potter clay*" dijumpai di sekitar pulau-pulau Greek, dan pasir di sekitar pantai digunakan sebagai bahan untuk menghasilkan
- A. Hiasan
 - B. Berhala
 - C. Senjata
 - D. Mural
9. Berikut ialah ciri-ciri senibina tamadun awal Greek, **kecuali**
- A. Senibina dibina untuk aktiviti luar dan terbuka
 - B. Rumah ibadat dibina di atas bukit dan terbuka dibahagian tengah
 - C. Senibina-senibina yang dibina untuk orang awam
 - D. Daun Nipah digunakan bagi membina atap
- Merupakan monument Mesir purba yang masih kukuh hingga kini
 - Dibina daripada batu kapur (limestone) yang diukir dan dipahat
 - Merupai manusia berkepala singa
10. Pernyataan di atas merupakan ciri-ciri senibina sebuah monumen ketika tamadun awal Mesir yang dinamakan
- A. The Lion
 - B. Piramid Helenistic.
 - C. The Sphinx
 - D. Piramid Giza

11. Mengapakah senibina tamadun Greek banyak dibina untuk aktivi-aktiviti luar, bersifat ruang yang terbuka dan luas
- A. Beriklim 5irri5me dan persisiran pantai
 - B. Memberi ruang untuk ukiran dan perhiasan
 - C. Rekaan yang lebih menarik
 - D. Supaya mudah diuruskan dan dijaga
12. Maharaja Constantine, menubuhkan kerajaan di Timur dan menggelarnya "*The New Rome*".Empayar ini berakhir pada 1454 M, apabila jatuh pada pemerintahan
- A. Istanbul
 - B. Anatolia
 - C. Abbasiyah
 - D. Uthmaniyah
13. Antara nama-nama yang diberikan kepada Bandar Constantinople ialah
- A. Byzantium, Constance, Istanbul
 - B. The New Rome, Byzantium, Utmaniyah
 - C. Byzantium, The New Rome, Istanbul
 - D. Byzantine, Rome New, Istanbul
14. Byzantin adalah merujuk kepada
- A. Kekayaan sumber alam dan ilmu
 - B. Penggabungan dua ilmu dan budaya
 - C. Timur dan Barat
 - D. Amalan penduduk Bandar Byzantium



15. Senibina Roman diatas digelar
- A. Arch of Titus
 - B. Gladiator
 - C. Colosseum
 - D. Stadium
16. Pembinaan Roman Forum ketika tamadun Rom dibina bagi tujuan
- A. Sembahyang dan pemujaan
 - B. Perkuburan
 - C. Mandian Umum
 - D. Medan ceramah dan pengumuman
17. Di antara tamadun yang berikut, yang manakah yang pertama mencipta simen sebagai salah satu bahan binaan
- A. India
 - B. Mesir
 - C. Roman
 - D. Greek

18. Pantheon ialah sebuah senibina yang unik dibina masyarakat Roman, antara 7irri-ciri menarik monument ini ialah kubah konkrit yang dikenali dengan panggilan
- A. Dome of Rock
 - B. Oculus
 - C. Corinthian
 - D. Dome of Lights
19. Senaraikan rekaan khusus *Roman Vault* yang terdapat pada senibina Roman
- i. Barrel Vault
 - ii. Groin Vault
 - iii. Rib Vault
 - iv. Fan Vault
- A. I, ii, iii, dan iv
 - B. ii, iii, dan iv
 - C. I, ii, dan iii
 - D. ii, iii, dan iv
20. Definisi Senibina atau *Architecture* yang tepat ialah
- A. Seni dan Sains bagi memastikan kekuatan struktur binaan
 - B. Seni dan Sains merekabentuk bagi tujuan kemanusiaan
 - C. Seni dan Sains mereka-cipta dan membina bangunan
 - D. Seni dan Sains membina perteduhan manusia purba

(20 markah)


BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Tamadun Mesir adalah tamadun terawal yang muncul dalam sejarah ketamadunan Manusia.

- Nyatakan **LIMA (5)** gaya kehidupan dan kepercayaan masyarakat tamadun awal Mesir. (5 markah)
- Berikan dan huraikan **EMPAT (4)** ciri senibina tamadun awal Mesir (4 markah)
- Berikut ialah keratan bahagian dalam struktur senibina Piramid. Labelkan nama dan terangkan secara ringkas bahagian P, Q, dan R (6 markah)



SOALAN 2

Senibina Gothik ialah evolusi rekabentuk Romanesque dan kemudiannya diteruskan dengan gaya Renaissance yang berkembang sekitar zaman Medieval dan zaman akhir Eropah.

- a. Nyatakan **ENAM (6)** ciri utama senibina Senibina Gothik, serta **HURAIKAN** setiap jawapan anda.

(6 markah)

- b. *Façade* ialah bahagian depan atau muka hadapan sesuatu senibina. Jelaskan bagaimana rekabentuk *façade* senibina Gothik direka dan lakarkan contoh *façade* tersebut beserta label yang berkenaan.

(5 markah)

- c. Nyatakan **DUA (2)** warna utama yang paling banyak digunakan di dalam senibina Gothik

(2 markah)

- d. Bandingkan secara ringkas rupa fizikal senibina Gothik dan Senibina Roman

(2 markah)

SOALAN 3


Senibina Islam adalah hasil perancangan ruang dan binaan yang berasaskan gaya hidup masyarakat Islam berteraskan al-Quran dan Sunnah nabi Muhammad (s.a.w.)

- a. Senaraikan **TIGA (3)** ciri senibina Islam dan **HURAIKAN** jawapan anda.

(6 markah)

- b. Senaraikan **DUA (2)** contoh senibina Islam moden dan **DUA (2)** contoh senibina Islam purba

(4 markah)



- c. Rajah di atas ialah Masjid Kampung Kling Melaka, yang mempunyai senibina menyerupai senibina Tamadun China. Pada pemerhatian anda, bahagian manakah pada masjid ini yang menyerupai senibina Tamadun China dan berikan pendapat anda, adakah pembinaan dan senibina masjid ini dibenarkan dalam Islam?

(5 markah)

SOALAN 4

Senibina rumah Melayu terkenal dengan teknologi binaan yang ringkas dan mudah. Pembinaan senibina ini banyak menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi yang diperolehi dari hutan dan juga persekitaran masyarakat melayu lama.

- a. Senaraikan **TIGA (3)** bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah Melayu tradisional

(3 markah)

- b. Nyatakan **LIMA (5)** ciri senibina rumah Melayu tradisional dan berikan huraian anda

(5 markah)

d. Berikah **TIGA (3)** contoh rumah-rumah tradisional yang terdapat di Malaysia, dan huraikan secara ringkas setiap contoh yang diberi
(3 markah)

e. Berikan **EMPAT (4)** perbezaan senibina Melayu tradisional dengan senibina moden di Malaysia pada masa kini.
(4 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Lakarkan jenis-jenis bumbung senibina Tamadun China

- a. Bumbung Panjang (3 markah)
- b. Bumbung Lima (4 markah)
- c. Bumbung Piramid (3 markah)

SOALAN 2

Lukiskan gambarajah senibina Romawi berikut:

- a. Jambatan Pond-du-Gard (3 markah)
- b. Colloseum (4 markah)
- c. Arch of Titus (3 markah)

SOALAN 3

Lukiskan gambarajah senibina Greek Column berikut:

- a. Greek Doric (3 markah)
- b. Greek Ionic (4 markah)
- c. Greek Corinthian (3 markah)

SOALAN 4

Lukiskan rekaan bangunan dan keratan (*section*) senibina Gothik beserta label yang berkenaan.

Pembahagian markah:

- a) Struktur bangunan menepati ciri-ciri tamadun (3 markah)
- b) Rekaan dan kreativiti bangunan atau senibina (4 markah)
- c) Senarai ciri-ciri yang digunakan (3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

